

21/02/2001

Cuba kagum wawasan, idea Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa - Cuba menghormati dan mengagumi pandangan serta wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Menteri Luarnya, Felipe Perez Roque.

Sehubungan itu, katanya, Presiden Cuba, Fidel Castro, yang akan mengadakan lawatan ke Malaysia tahun ini, akan mengambil kesempatan bertukar pandangan dengan Dr Mahathir berhubung isu antarabangsa serta hubungan dua hala.

"Kami ingin mengetahui wawasan Dr Mahathir kerana beliau adalah pemimpin yang menerima banyak penghormatan di seluruh dunia.

"Kami juga ingin mengetahui pandangan beliau berhubung pelbagai isu antarabangsa," katanya pada sesi dialog selepas menyampaikan syarahan bertajuk "Peranan Cuba Dalam Politik Antarabangsa" anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Malaysia di Hotel Nikko di sini, hari ini.

Perez Roque tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari, sebelum berkunjung ke Singapura, Vietnam, China dan Jepun.

Beliau berkata, Castro dan Dr Mahathir sudah mengadakan tiga pertemuan sebelum ini yang disifatkan sebagai eksklusif serta berguna untuk kedua-dua negara.

Katanya, kedua-dua pemimpin bertukar pandangan mengenai banyak isu antarabangsa termasuk kesan proses globalisasi terhadap negara membangun.

"Sudah tentu pertukaran pandangan akan diadakan (pada lawatan Castro nanti) supaya kami lebih memahami apa yang sedang berlaku di Asia serta rantau sebelah sini," katanya.

Cuba dan Malaysia menjalin hubungan diplomatik pada 1975. Dr Mahathir mengadakan lawatan rasmi ke Cuba pada 1997 selain menghadiri sidang kemuncak negara-negara selatan (G-77) di Havana tahun lalu.

Perez Roque berkata, Cuba dan Malaysia yang lantang memperjuangkan hak negara dunia ketiga, berkongsi pandangan dan pendirian dalam banyak isu antarabangsa.

Sambil menyifatkan hubungan diplomatik di antara Cuba dan Malaysia amat positif, beliau berkata, kedua-dua negara kini berusaha mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin.

"Hubungan ekonomi kami baru bermula," katanya sambil menambah Cuba dan Malaysia sedang mengenalpasti bidang dan peluang perdagangan di antara kedua-dua negara.

(END)